



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

## TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR Ir. DR. HAJI AHMAD RASHIDY RAZALI  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG**

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN KOR SUKSIS  
UiTM PULAU PINANG**

**DI**

**BALAI KOR SUKSIS UiTMCPP**

**PADA**

**8 NOVEMBER 2023M / 24 RABIULAKHIR 1445H**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِينَ.

## TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

**Yang Dihormati ASP/Kor SUKSIS Profesor Madya Ts.  
Dr. Basharuddin Bin Abdul Hadi**

Pegawai Kehormat Kos SUKSIS Akademik  
Merangkap Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

**Yang Dihormati ASP Abd Azik Bin Saat**  
Pegawai Penyelaras Kor SUKSIS  
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh

**Yang Dihormati ASP/ Kor SUKSIS Muhammad Huzaifah  
Bin Johari**

Pegawai Kehormat Kor SUKSIS Latihan Luar  
Merangkap Penolong Bendahari  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

**Yang Dihormati Inspektor Firdaus Bin Abdul Ghani**  
Pegawai Latihan Kor SUKSIS  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

**Yang Dihormati Para Jurulatih KOR SUKSIS**

**Para Pelatih yang dikasihi**

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan Hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaaatu  
Salam Malaysia Madani  
Salam UiTM Dihatiku**

- 1.** Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita sama sama berkumpul pada petang yang mulia lagi berbahagia ini dalam tiga (3) majlis yang kita rangkumkan menjadi satu.
  
- 2.** Sebagaimana tuan-tuan serta hadirin sekian sedia maklum, majlis kita pada petang ini dimulai dengan
  - i. Majlis Angkat Sumpah Jawatan*
  - ii. Ikrar dadah dan;*
  - iii. Ikrar Akta Rahsia Rasmi bagi pelatih-pelatih Junior.*

3. Ini adalah sejajar dengan pelantikan mereka untuk menganggotai Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi atau (SUKSIS) sebagaimana yang termaktub dalam Akta Polis 1967 dan PTKPN A604.

### **Hadirin sekalian.**

4. Saya rasa belum terlambat untuk saya mengucapkan tahniah kepada **pelatih pelatih Junior Skuad 2023 kerana terpilih menjadi ahli SUKSIS**. Ramai yang berminat untuk menyertai pasukan SUKSIS tetapi tidak semua yang dapat kerana ia terpaksa melalui tapisan ketat dan terperinci dan ini adalah merupakan syarat atau peraturan yang wajib. Tahniah sekali lagi kepada yang telah terpilih kerana yang terpilih adalah yang terbaik.

**5.** Walau bagaimanapun, jangan sia-siakan peluang yang diberi ini. Mungkin banyak peluang boleh diperolehi nanti seperti kawad, mempelajari undang undang, menjalankan tugas kepolisian semasa dalam latihan di samping membantu menjaga keamanan kampus.

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

**6.** Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Pegawai-Pegawai tertinggi, Jurulatih mahupun pembantu dalam PDRM dan Kor SUKSIS di peringkat kampus, negeri mahupun negara atas segala kerjasama dan perkhidmatan terbaik yang telah diberikan kepada pihak UiTM mahupun komuniti. **“Patah Tumbuh Hilang Berganti”**. Namun semangat **Sang Saka Biru** tidakkan luntur bahkan terus mekar di hati semua orang terutamanya para pelatih yang telah berlalu pergi. Kenang dan ingatlah jasa orang-orang yang pernah menabur bakti terutamanya semua staf PDRM yang

pernah berkhidmat di SUKSIS UiTM Cawangan Pulau Pinang ini.

7. Sebelum mengundurkan diri, saya selaku Ajutan Kor SUKSIS UiTM Cawangan Pulau Pinang sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada petang ini. Semoga kemesraan ini akan mengukuhkan lagi hubungan erat yang telah sedia terjalin sesama kita selama ini.
8. Akhir kata, walupun kita datang dari pelbagai profesi, tetapi tugas dan tanggungjawab kita tetap sama, iaitu untuk mendidik anak bangsa. Seperti kata pepatah, **sekepal pada yang kaya, segunung pada yang papa, sekecil-kecil tunas dipelihara, akhirnya akan berbuah juga.**

**Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan Majlis Angkat Sumpah Jawatan Kor Suksis UiTM Cawangan Pulau Pinang.**

Sekian; Wabillahi taufiq, Wal hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima Kasih.